

KENYATAAN MEDIA

TEKUN AMBIL LANGKAH PENAMBAHBAIKAN SISTEM PERMOHONAN ATAS TALIAN BAGI KELANCARAN PERMOHONAN SPIM

KUALA LUMPUR, 11 Februari 2022 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensinya TEKUN Nasional telah melancarkan Skim Pembiayaan Informal dan Mikro (SPIM) bagi membantu usahawan. Skim ini telah dibuka untuk permohonan pada 1 hingga 15 Januari yang lalu, dengan dana yang diperuntukkan berjumlah RM200 juta.

Dato' Adam bin Abdul Ghani, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional berkata, "SPIM merupakan pembiayaan kepada usahawan informal dan mikro sebagai suntikan modal pusingan untuk memulih dan memulakan semula perniagaan yang terjejas daripada wabak COVID-19 dan bencana banjir.

"Melalui SPIM, usahawan ditawarkan pembiayaan dengan nilai sehingga RM10,000 tanpa caj keuntungan dengan tempoh bayaran balik sehingga 5 tahun dan moratorium selama 12 bulan".

"TEKUN Nasional menerima permohonan yang terlalu tinggi dalam masa singkat untuk pembiayaan SPIM ini. Dana yang sepatutnya untuk penyaluran setahun telah habis dalam tempoh 2 minggu. Sebanyak 23,767 permohonan telah diterima dan sehingga 8 Februari 2022, 15,880 permohonan telah diluluskan dengan nilai RM130.3 juta", tambah beliau.

Beliau turut menjelaskan, "Bagi memastikan kelancaran permohonan SPIM, TEKUN Nasional telah mengambil langkah penambahbaikan dengan menaik taraf sistem permohonan atas talian. Penambahbaikan tersebut perlu dilaksanakan bagi menampung bilangan permohonan yang terlalu tinggi. Walau bagaimanapun dalam

proses tersebut, terdapat isu teknikal yang timbul dan menyebabkan berlaku kelewatan dalam memproses permohonan, kelulusan dan penyaluran pembiayaan”.

“Pihak TEKUN telah mengambil langkah-langkah bagi mengatasi isu ini secepat mungkin. Antaranya penyaluran pembiayaan telah dilaksanakan secara manual melalui cetakan cek yang diagihkan ke setiap Pejabat TEKUN Cawangan di seluruh negara oleh kerana penyaluran pindahan dana elektronik tidak dapat dilaksanakan kerana gangguan teknikal tersebut.

“Sehingga kini, TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan berjumlah RM105 juta kepada 12,774 orang usahawan di bawah SPIM melalui cetakan cek dan pindahan dana elektronik.

“Penyaluran pembiayaan ini dijangka dapat diatasi sepenuhnya selewatnya pada akhir bulan ini”, ujar beliau.

Usahawan akan dihubungi oleh Pejabat TEKUN Cawangan untuk penyerahan cek pembiayaan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

11 FEBRUARI 2022